



LAWATAN KERJA YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN KE KAWASAN TANAH RUNTUH DI SEKITAR BUKIT ANTARABANGSA, AMPANG



Pada 6 Jun 2020, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat lawatan susulan ke lokasi tanah runtuh di Bukit Antarabangsa. Turut serta bagi memberikan penerangan teknikal

dan lebih terperinci adalah Ketua Bahagian Cerun Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), IR Zafrul Fazry Mohd Fauzi.

Beliau telah memaklumkan beberapa langkah perancangan bagi memastikan keselamatan serta pergerakan tanah tidak berlaku lagi. Pihak MPAJ dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) turut menjalankan ujian tanah sebanyak dua (2) kali setiap hari bagi tujuan pemantauan. Kerja baik pulih tembok penghadang yang diperuntukkan oleh KPKT sebanyak RM2 juta juga telah mula dilaksanakan di Kawasan berkenaan. Besi penahan tanah ini ditanam sepanjang 100 meter di lokasi selepas didapati berlaku pergerakan tanah di kawasan berhampiran.

Turut hadir adalah Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Bukit Mulia, Encik Amin Osman bagi mendengar taklimat penuh dan segala persoalan yang terbuku selama ini sudah dijawab.



Menurut YB Zuraida Kamaruddin, keselamatan merupakan agenda utama yang menjadi penekanan. Langkah proaktif serta kerjasama semua pihak memainkan peranan penting dalam menangani masalah yang berlaku ini. Keselamatan dan kebajikan rakyat menjadi keutamaan negara.

Penduduk boleh melaporkan perkara ini sekiranya melihat sebarang tanda-tanda yang berkemungkinan boleh menjadi sebab kepada berlakunya bencana. YB Zuraida Kamaruddin melalui kementeriannya akan sentiasa memberikan kerjasama penuh dan memberi keutamaan kepada rakyat.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat